

## **BAB I**

### **1.1 PENGENALAN**

Teknologi pendidikan adalah kaedah yang bertanggungjawab untuk menggabungkan dan mengubahsuaikan kesemua ilmu yang diketahui oleh seseorang guru kepada satu alat yang membantu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Mengikut Percival (1984) sejarah teknologi pendidikan menunjukkan cara perkembangannya dan (diharapkan) telah menjadi matang sejak tamat Perang Dunia Kedua, dan terdapat sekurang-kurangnya tiga aliran tersembunyi yang penting dalam teknologi pendidikan semasa.

Pertama ialah peralihan kepada pendekatan yang lebih berpusatkan pelajar kepada pembelajaran, satu peralihan yang dapat dilihat dalam pertambahan penggunaan pembelajaran individu dalam semua bentuk. Kedua ialah kesedaran bahawa pendidikan itu bukanlah semata-mata mengajar fakta asas, sebaliknya kita harus cuba membentuk kemahiran bukan kognitif dan sikap yang sangat penting bagi kejayaan dalam hidup kelak. Ini membawa kepada penggunaan kaedah pembelajaran yang baik dan sesuai. Ketiga, dan mungkin yang paling penting bagi jangka masa panjang ialah berkembangnya

penggunaan teknologi baru dalam hampir semua aspek pendidikan dan latihan. Penggunaan teknologi baru merujuk kepada penggunaan alat bantu mengajar atau media pengajaran dalam aktiviti pengajaran pembelajaran sesuatu mata pelajaran.

Media pengajaran terdiri daripada bahan-bahan yang membantu seseorang guru dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berlaku sama ada di sekolah, kolej, ataupun di pusat pengajian tinggi. Penggunaan alat bantu mengajar menjadi semakin popular selepas Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR, 1982) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM, 1988) diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selepas KBSR dan KBSM terlaksana, para pendidik menumpukan perhatian kepada penggunaan bahan-bahan yang relevan dengan pengajaran mereka. Kementerian Pendidikan menganggap penggunaan bahan pengajaran tambahan boleh menambahkan minat belajar di kalangan para pelajar. Pandangan ini disokong oleh Frobel (1764-1852) berpegang kepada prinsip bahawa "semua pengajaran mestilah menyeronokkan" (dipetik dari Percival, 1984). Oleh yang demikian guru-guru digalakkan menggunakan alat bantu mengajar dalam proses pengajaran mereka. Hasil kajian Mat Nor dan Abd Rahman (1988) tentang penggunaan bahan media tambahan dalam

pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu (1981) ternyata kebanyakan guru masih bergantung kepada buku-buku teks semata-mata. Selain itu, para pendidik masih terikat dengan kaedah pengajaran tradisional ‘chalk and talk’. Kajian Tan (1990) menunjukkan kaedah pengajaran tradisional adalah kurang efektif berbanding dengan kaedah pengajaran yang menggunakan media pengajaran dalam menyampaikan isi kandungan. Seterusnya kaedah lama juga menyebabkan pelajar-pelajar bergantung kepada guru secara sepenuhnya.

Keadaan ini bukan sahaja berlaku dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu, malahan terdapat dalam kebanyakan mata pelajaran lain. Kaedah pengajaran ‘chalk and talk’ mempunyai konsep yang bertentangan dengan kaedah penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran. Ini adalah kerana di bawah kaedah ‘chalk and talk’, guru hanya bercakap tanpa menunjukkan sebarang bukti yang boleh dilihat malahan di bawah kaedah baru guru akan menunjukkan bukti dan contoh bagi mengukuhkan fakta yang disampaikan. Pengajaran meliputi tanggungjawab untuk mendidik pelajar dan memperkembangkan intelektual mereka melalui pengwujudan suasana pembelajaran yang wajar.

Kelebihan penggunaan kaedah multimedia telah diterangkan oleh Dale (1969) dan ia diringkaskan seperti berikut:

- I) Penggunaan pelbagai bahan pengajaran menolong untuk mengelakkan pemberian arahan yang mendatar, ulangan yang banyak dan bosan, lebih senang jika bilangan bahan pengajaran yang digunakan adalah banyak dan pelbagai.
- II) Cara penyampaian isi kandungan sesuatu mata pelajaran dengan kaedah yang berbeza boleh menarik perhatian pelajar.
- III) Bahan pengajaran bercetak atau perbualan mengubahkan segala fakta menjadi lebih mudah dan lebih konkret apabila pelbagai pancaindera digunakan oleh murid semasa belajar.

Pele (1979) mengulang kembali beberapa fakta yang dikemukakan oleh Dale semasa menerangkan kaedah pengajaran yang menggunakan pelbagai deria. Kaedah ini bukan hanya menolong menambahkan minat malahan juga menolong pelajar mempelajari lebih banyak fakta dalam masa yang singkat. Fakta yang dipelajari itu menjadi kekal dalam ingatan bagi jangka masa yang lebih lama. Walau bagaimanapun Pele tidak memberi bukti kajian empirikal bagi pendapat yang dikemukakan, Weisgerder (1968) dalam bukunya berjudul ‘Instructional Process and Media Innovation’ mengatakan pengajaran

yang menggunakan filem berbanding bahan-bahan pengajaran yang lain dapat meningkatkan daya ingatan dan mengekalkan fakta dalam pemikiran. Hoban dalam kertas kerjanya bertajuk “Research in new media in education” mengatakan kaedah pengajaran yang menggunakan kombinasi beberapa bahan adalah lebih berkesan berbanding dengan penggunaan satu bahan pengajaran sahaja (dipetik dari Dale, 1968).

Percival (1984) dan Ellington (1988) mengatakan peranan utama teknologi pendidikan adalah membantu untuk memperbaiki keseluruhan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Pertambahan kecekapan dalam pendidikan dan latihan akibat daripada penggunaan bahan pengajaran adalah diringkaskan seperti berikut:

- a) menambahkan kualiti pengajaran dan tahap penguasaan;
- b) mencapai matlamat yang diingini dalam masa yang singkat;
- c) menambahkan keberkesanan guru dari segi bilangan pelajar tanpa mengurangkan kualiti pengajaran; dan
- d) mengurangkan kos tanpa menjaskan kualiti.

Dengan ini bahan pengajaran menjadi sokongan kepada penyampaian atau pengajaran yang baik dan gabungan beberapa media dalam satu

pengajaran menjadikan arahan dan penjelasan guru lebih tepat pada sasarannya.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran kata-kata, suara, dan isyarat sahaja tidak mencukupi. Penggunaan pelbagai bahan pengajaran menjadikan cara penyampaian yang berkesan serta menggalakkan pelajar mengambil bahagian dengan aktif (Asad bin Awang, 1995). Seseorang guru yang bertanggungjawab dan kreatif akan memilih cara penyampaian dan bahan pengajaran dengan berhati-hati agar pelajaran dapat disampaikan dengan berkesan berdasarkan objektif yang ingin dicapai pada akhir pengajaran.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pendidikan telah menjadi dan akan terus menjadi satu alatan yang penting dalam meningkatkan sumber tenaga manusia (Anwar Ibrahim, 1988). Seperti kebanyakan negara membangun, Malaysia telah memberi penekanan yang khas terhadap kemajuan dan perkembangan pendidikan untuk tujuan pembangunan negara. Kerajaan Malaysia menganggap pendidikan sebagai satu kunci untuk mencapai keperluan negara: perkembangan kebudayaan, sosial, dan kemajuan politik (Akta Pendidikan 1991). Pandangan ini masih kekal tetapi langkah-langkah

untuk mencapai hasrat ini telah bertukar daripada penekanan secara keseluruhan kepada penekanan ke arah individu, kerana manusia maju mengikut perkembangan masa.

### **1.2.1 PERKEMBANGAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA**

Dalam jangka masa 40 tahun iaitu sejak kemerdekaan pada tahun 1957, pendidikan di Malaysia telah mengalami perubahan dan perkembangan. Perubahan ini boleh dikenalpasti sejak sebelum dan selepas kemerdekaan.

Penjajah British mengamalkan sistem pentadbiran pecah dan perintah akibatnya pendidikan mengikut kumpulan etnik masing-masing diamalkan; Sekolah Venakular Melayu (1884), Sekolah Venakular Cina (1908), dan Sekolah Venakular Tamil (1902). Sistem pendidikan yang berasingan bagi setiap kaum yang berdasarkan Bahasa Ibunda masing-masing tidak menolong ke arah mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum. Oleh itu, perlu melakukan perubahan dalam sistem Pendidikan supaya dapat mewujudkan perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat.

Di antara tahun 1940 hingga 1957, terdapat beberapa perubahan dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu. Tempoh ini disifatkan

sebagai pembinaan semula sistem pendidikan ke arah menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Tanah Melayu (Mok Soon Sang, 1988). Selaras dengan ini, beberapa laporan dikemukakan untuk mendedahkan kelemahan dalam sistem pendidikan venakular selama ini. Antara laporan penting ialah Laporan Barnes (1950), Laporan Fenn-Wu (1951), Ordinan Pelajaran 1952 dan Laporan Razak (1956).

Laporan Razak dibentangkan dan seterusnya diluluskan dalam Majlis Perundangan Persekutuan pada bulan April 1957, kemudian laporan tersebut menjadi asas bagi pembentukan Ordinan Pelajaran 1957. Inilah kali pertama dalam sejarah Malaysia, perancangan pendidikan telah dirangka untuk semua kaum dengan corak identiti kebangsaan. Ordinan Pelajaran bertujuan membentuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia melalui sukanan pelajaran yang sama serta penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan media perhubungan yang penting.

Pada tahun 1959 sebuah Jawatankuasa Penyemak Pelajaran telah dibentuk dengan melantik Abdul Rahman Talib yang ketika itu memegang jawatan Menteri Pelajaran sebagai pengurusinya. Tujuan perlantikan jawatankuasa tersebut ialah mengkaji semula polisi pendidikan kebangsaan sebagaimana yang telah dicadangkan dalam Laporan Razak serta kesan-kesan perlaksanaannya. Laporan Rahman

Talib (1961) mencadangkan penerusan dan pada masa yang sama melakukan beberapa pengubahsuaian dan pindaan atas polisi pendidikan yang telah dikuatkuasakan dalam Ordinan Pelajaran 1957. Cadangan kedua-dua Laporan sebelum ini telah menjadi dua komponen utama dalam pembentukan sistem pendidikan dan dikuatkuasakan dalam akta Pelajaran 1961.

Tahun-tahun 1970an merupakan masa pengisytiharan Rukun Negara dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta melakukan pembaharuan besar dalam pendidikan Sains dan Matematik. Selaras dengan perubahan dan penekanan dalam polisi kerajaan itu, satu jawatankuasa kabinet ditubuhkan pada tahun 1974. Tujuannya untuk mengkaji semula pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan. Jawatankuasa itu mengkaji semula matlamat dan kesan sistem pelajaran termasuk kurikulumnya untuk memastikan bahawa keperluan tenaga rakyat negara dapat dipenuhi. Tugas yang lebih penting ialah untuk memastikan bahawa adakah sistem pelajaran itu dapat memenuhi matlamat negara ke arah pembentukan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih. (Laporan Jawatankuasa Kabinet, artikel 1).

Cadangan jawatankuasa kabinet bertujuan memperbaiki pendidikan dan mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan, terutamanya memeriksa dengan teliti kurikulum sekolah rendah dan

menengah. Kesan daripada laporan itu, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di tahun 1988.

KBSR memberi penekanan kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh dan seimbang. Antaranya ialah perkembangan semua aspek intelek, rohani, jasmani, emosi, bakat, moral, nilai estetika dan sosial serta menegaskan pembelajaran kemahiran-kemahiran asas iaitu membaca, menulis, dan mengira (3M). Kurikulum baru ini mengurangkan penggunaan buku teks dalam pengajaran sebaliknya menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran dan penggunaan alat bantu mengajar.

KBSM telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan sebagai kesinambungan kepada KBSR dan sejajar dengan objektif Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Ini merupakan satu lagi perkembangan dalam mutu pendidikan negara dengan memberi penekanan kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu (Khairani, 1994). KBSM dibentuk dengan penggabungjalinan, hubungkait serta interaksi antara mata pelajaran. Pada masa yang sama Bahasa Melayu, kemahiran, dan nilai murni merentasi kurikulum agar ia menjadi landasan bagi pendidikan seumur hidup (Gan, 1990).

Pendidikan bersepada di bawah KBSM dianggap sebagai pengganti dan pengimbang kepada permasalahan pendidikan yang wujud sebelum ini, kerana ini memberi tumpuan secara seimbang ke atas aspek-aspek yang tertinggal dalam Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM). Kurikulum baru merupakan langkah baru yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk kembali ke jalan yang betul dalam pembangunan pendidikan serta pembangunan Malaysia (Khairani, 1993). Usaha telah diambil untuk mengatasi kelemahan dalam sistem pendidikan lama sepetimana yang disyorkan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979). Syor ini menegaskan bahawa “individu yang dilahirkan dalam sistem persekolahan negara perlu selaras dengan tujuan pembangunan kemanusiaan” (para 452, hlm. 277). Perkara ini menyentuh tentang insan sepadu, ilmu sepadu dan pendidikan sepadu dengan berteraskan ketuhanan sepetimana yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Negara seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh bersepada untuk mewujudkan insan yang dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggung-jawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan

diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”.

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 1989, hlm.1)

Bagi menghasilkan individu sepetimana yang dikehendaki oleh FPN, kedua-dua kurikulum baru (KBSR dan KBSM) memberi perhatian kepada pedagogi pendidikan dan mencadangkan pendidikan yang berpusatkan pelajar dengan tujuan memperkembangkan pengetahuan dan kemahiran berfikir. Selain daripada itu, pendidikan perlu menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif dengan menjalankan lebih banyak aktiviti dan kurangkan penggunaan buku teks dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Percival (1984) dan Ellington (1988) juga menyokong pendapat di atas, mereka mengatakan bahawa pembelajaran yang berpusatkan pelajar semakin berkembang dalam sistem pendidikan masa kini. Mereka mengatakan sedemikian kerana penggunaan pusat sumber dan pembelajaran melalui media telah bertambah banyak.

Demi mencapai objektif kurikulum baru, kaedah pengajaran moden iaitu penggunaan pelbagai bahan media perlu diamalkan oleh guru-guru masa kini. Bahan media yang dimaksudkan adalah

penggunaan video, rakaman, komputer dan sebagainya. Ini bermakna cara pengajaran tradisional ‘chalk and talk’ yang menggunakan buku teks sebagai asas perlu diubahsuai. Pengubahsuai ini dilakukan kerana pelajar hanya mendengar, tidak berpeluang menyuarakan apa yang dipelajari, cara sesuatu itu dipelajari dan hanya menunjukkan sikap pasif terhadap apa yang diajar.

Kajian Tan (1990, Julai 4) yang dikemukakan dalam akhbar tempatan News Straits Times (m.s. 13) menunjukkan kaedah pengajaran tradisional kurang berkesan dan menyebabkan pelajar bergantung kepada guru sepenuhnya, dan belajar secara menghafal. Perubahan kurikulum pendidikan Malaysia dari Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) yang menumpukan bidang ‘pengetahuan’ semata-mata, beralih kepada aspek ‘ketuhanan’ dan ‘penghayatan’ dalam KBSM telah menimbulkan kejutan dan memberi pelbagai implikasi kepada pihak pengajar. Terutamanya tanggungjawab yang besar telah diberikan kepada guru-guru dalam melaksanakan kurikulum tersebut (Asad, 1995).

### **1.2.2 PERANAN GURU DALAM KBSM**

Selepas kurikulum baru diimplmentasikan pedagogi pengajaran bertukar, dari pola penguasaan guru kepada strategi berpusatkan pelajar. Ini bermakna setiap kali kurikulum berubah peranan guru turut berubah. Keadaan ini telah dijelaskan oleh Flynn (1970) seperti berikut:

“Each time a change is made in curriculum organization, the role of the teacher also change slightly when many changes are made or when the scope of the change is quite large the role behaviors of the teacher change drastically” (p.4).

Kaedah pembelajaran baru direkabentuk untuk memberi pelajar sistem pembelajaran fleksibel yang mengambilkira tentang kehidupan individu, persekitaran pendidikan, bebas menyuarakan pendapat dan pembelajaran berasaskan sumber. Guru hanya menjadi fasilitator pembelajaran. Akibatnya, sistem pendidikan sebegini dinamakan “sistem pembelajaran terbuka” (Ellington, 1988).

Penggunaan ABM dan kaedah pengajaran terbuka menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Secara tidak langsung para pendidik di sekolah memindahkan sebahagian daripada tugas mengajar mereka kepada pelajar. Tugas utama guru-guru ialah

membimbing pelajar cara untuk belajar dan mewujudkan keinginan untuk terus belajar sepanjang hidup.

Kini penekanan adalah terhadap pembelajaran bersendirian, pembelajaran yang tidak banyak bergantung kepada guru, sebaliknya pelajar bergantung kepada bahan-bahan pembelajaran sama ada media elektronik atau bukan elektronik.

### **1.2.3 MATA PELAJARAN PERDAGANGAN KBSM**

Perdagangan ialah satu daripada mata pelajaran elektif untuk Tingkatan IV dan V dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di bawah Kumpulan Vokasional dan Teknologi. Mata pelajaran ini memperkembangkan dan memperluaskan lagi pengetahuan dan kemahiran asas perdagangan dan keusahawanan (kecuali aspek Simpan Kira) yang telah dipelajari dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup di peringkat menengah rendah. Melaluinya juga nilai-nilai murni dan sikap positif yang berkaitan dapat dipupuk dan diperkuuhkan di kalangan pelajar.

## **A. MATLAMAT MATA PELAJARAN PERDAGANGAN SPM**

Isi sukatan pelajaran ini dibentuk berasaskan beberapa keperluan dalam pendidikan perdagangan dan keusahawanan yang melampaui peringkat kenal faham. Di antaranya ialah:

- (a) keperluan pembangunan tenaga manusia dan negara melalui bidang perdagangan;
- (b) keperluan menerapkan nilai-nilai murni dan menanamkan sikap-sikap positif keusahawan;
- (c) keperluan menghayati sikap bertanggungjawab dan bekerjasama dalam menjamin kesejahteraan hidup melalui pelbagai aktiviti perdagangan;
- (d) keperluan mengetahui, memahami dan menggunakan prinsip-prinsip dan amalan-amalan asas perniagaan di dalam dan di luar negeri;
- (e) keperluan mengetahui dan memahami kegunaan dan penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan yang membantu perniagaan;
- (f) keperluan mengembangkan ilmu pengetahuan dalam bidang perniagaan secara formal dan tidak formal; dan

- (g) keperluan mengenalpasti peluang-peluang pekerjaan dalam bidang perdagangan supaya dapat membuat pilihan yang bijak.

Adalah diharapkan mata pelajaran Perdagangan dapat memenuhi keperluan-keperluan pendidikan perniagaan dan juga memberi pendidikan umum yang seimbang serta menyeluruh dari aspek kognitif, psikomotor dan efektif.

## **B. PERANCANGAN DAN PENGAJARAN MATA PELAJARAN PERDAGANGAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)**

Pembelajaran dianggap sebagai proses pemikiran kognitif dan penguasaan kemahiran, seseorang guru mata pelajaran Perdagangan tidak dapat lari dari hakikat bahawa sungguhpun pengetahuan dan kefahaman dalam isi kandungan itu menjadi asas kepada pengajaran (dari segi apa yang hendak diajar), pengetahuan dan kefahaman yang cukup dalam berbagai kaedah pengajaran yang mungkin (dari aspek bagaimana hendak ajar secara efektif, sejajar dengan objektif) adalah sama pentingnya (Azali, 1983). Semasa mengajar sesuatu tajuk apa dan bagaimana hendak diajar akan timbul secara serentak.

Aktiviti pengajaran mata pelajaran Perdagangan perlu dirancang dengan teratur. Perancangan yang tidak cukup akan mengakibatkan kegagalan daripada mencapai objektif pelajaran, justeru itu membazirkan masa pembelajaran pelajar-pelajar. Oleh kerana masa adalah komoditi bernilai kepada guru dan pelajar, perancangan dalam kaedah pengajaran dapat menjamin guru memaksimumkan penggunaan keefektifan masa yang diperuntukkan, dengan menjalankan aktiviti di kalangan pelajar.

Mengikut K.H. Hoover (1974) perancangan yang sesuai dan cukup menjamin perimbangan dan fokus yang wajar di antara objektif-objektif, isi kandungan, aktiviti-aktiviti serta penilaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam pengajaran Perdagangan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sukar untuk mempastikan kaedah pengajaran yang terbaik yang boleh diamalkan dalam semua keadaan, masa, topik pelajaran dan kepada semua pelajar. Ini kerana terdapat perbezaan dalam jenis guru, pelajar dan juga topik pelajaran yang diajar. Walau bagaimanapun, pada dasarnya kita memberi pertimbangan kepada kaedah yang boleh memberi kesan positif kepada pelajar. Ramai berpendapat bahawa pembelajaran yang berkesan wujud jika ada minat di kalangan pelajar-pelajar, dan salah satu dari cara utama untuk menimbulkan minat

pelajar-pelajar ialah menerusi pelbagai kaedah dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan beberapa media pengajaran.

Di samping itu, perancangan yang baik dapat menjimatkan masa guru-guru. Menerusi pengalaman yang ada pada seseorang guru, dia dapat membentuk pola dan tabiat pemikiran yang sistematik dalam menyediakan rancangan yang realistik, sesuai dengan kehendak pelajar-pelajar yang diajar (termasuk keperluan peperiksaan).

### **C. ALAT BANTU MENGAJAR DALAM PENGAJARAN MATA PELAJARAN PERDAGANGAN SPM**

Seperti dalam kaedah penyampaian juga semua guru Perdagangan mengetahui jenis-jenis alat dan bahan pengajaran yang sedia ada di dalam sistem persekolahan hari ini. Kebanyakan sekolah telahpun mempunyai bahan-bahan pengajaran sebagaimana yang disebutkan di atas. Apa yang penting ialah menggunakannya kalau sekiranya ingin mengetahui faedahnya dari segi pembelajaran murid-murid - “kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya” kata pepatah Melayu!

Mengikut laporan konvensyen guru-guru Perdagangan Malaysia ketiga (1993), di antara alat-alat mengajar yang boleh digunakan dalam

aktiviti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perdagangan selain daripada papan hijau atau papan putih dan buku teks ialah:

- i) Realia (contoh-contoh sebenar dokumen)
- ii) Carta-carta atau gambar-gambar
- iii) Televisyen dan video
- iv) Kaset radio
- v) Transperansi dan projektor overhead
- vi) Slaid filem dan projektor slaid

Alat-alat bantu mengajar di atas didapati dikebanyakkan sekolah. Jika usaha bersama wujud di kalangan guru Perdagangan di dalam satu-satu sekolah atau di antara sekolah-sekolah yang berdekatan serta bantuan daripada pusat sumber negeri banyak masalah dalam menggunakan media dapat diatas.

Dalam hal penggunaan media tunjuk ajar ini L. Gartside (1970), seorang ahli pendidikan perdagangan British melahirkan pendapat berikut:

“... (Audio) - visual aids help to ease the strain of teaching, but are not to be used as substitutes for teaching; they are after all no more than aids ..... But he would be foolish not to, seize any opportunity to strengthen his teaching by whatever means lay in his power.....nothing but good can

from his thoughtful and proper use of the many artificial and mechanical aids now available....”

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH

Pelbagai pembaharuan dan perubahan telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan demi mempertingkatkan mutu pendidikan ke tahap yang diinginkan. Salah satu pembaharuan ialah memperkenalkan mata pelajaran Perdagangan KBSM bagi pelajar-pelajar Tingkatan IV dan V di sekolah menengah. Mata pelajaran ini menjadi salah satu mata pelajaran elektif, di bawah kumpulan II (Vokasional dan Teknologi) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dalam Pusat Perkembangan Kurikulum (1989) menyarankan proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah berpusatkan pelajar. Interaksi antara pelajar dan guru dan sesama pelajar digalakkan. Pemerolehan pengetahuan dibuat dengan pembelajaran melalui pengalaman yang melibatkan pelajar secara aktif. Untuk mencapai apa yang dihasratkan di atas, guru-guru dibenarkan memilih kaedah pengajaran yang sesuai berdasarkan pengalaman masing-masing.

Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan pendekatan dan kaedah baru di dalam pengajaran dan pembelajaran serta memberikan penekanan kepada penggunaan sumber dan media pengajaran dan pembelajaran.

Namun begitu, kajian Azali (1983) merasakan bahawa guru-guru Perdagangan masih belum mampu memperbaikkan keupayaan mereka dalam penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran mereka. Oleh itu sudah tiba masa untuk guru-guru Perdagangan mengalihkan kaedah pengajaran tradisional iaitu ‘chalk and talk’ kepada kaedah moden yang menggunakan sumber-sumber pengajaran yang semakin bertambah.

Disebabkan tugas yang diberikan kepada guru-guru Perdagangan ini amat berat maka wajar bagi kita mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan guru-guru Perdagangan kurang menggunakan media pengajaran dan pembelajaran, mengkaji masalah yang dihadapi oleh mereka dalam usaha menggunakan media pengajaran dan pembelajaran tersebut serta mengkaji kemahiran mereka didalam menghasilkan dan menggunakan media dalam pengajaran mereka. Selain itu, pengkaji juga ingin mengetahui keperluan-keperluan para guru Perdagangan untuk meningkatkan penggunaan alat bantu mengajar. Tujuan kajian ini adalah untuk menyelidik kesemua persoalan yang dinyatakan di atas.

## **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Dalam kajian ini pengkaji ingin melihat tentang penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran pembelajaran mata pelajaran Perdagangan KBSM. Satu soal selidik akan dijalankan di semua sekolah-sekolah menengah Kebangsaan di daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan, demi mengetahui tahap penggunaan alat bantu mengajar.

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk:

- a) mengetahui kesemua media pengajaran yang boleh digunakan dalam pengajaran pembelajaran mata pelajaran Perdagangan KBSM.
- b) mengenalpasti tahap penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran Perdagangan KBSM di sekolah.
- c) mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru mata pelajaran perdagangan dalam penggunaan bahan-bahan pengajaran.
- d) megetahui kemahiran yang dimiliki oleh guru-guru Perdagangan dalam penggunaan media pengajaran.

- e) Mengetahui pandangan dan sikap guru terhadap penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran pembelajaran mata pelajaran Perdagangan.

Demi memahami dengan lebih lanjut tentang tujuan di atas, maka kajian ini akan menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah jenis-jenis media pengajaran yang boleh didapati bagi guru Perdagangan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perdagangan KBSM? (Ruang 1, Soalan 8 - Bahagian B)
2. Sejauhmanakah bahan-bahan pengajaran ini digunakan oleh guru mata pelajaran Perdagangan KBSM? (Ruang 2, Soalan 8 - Bahagian B)
3. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru mata pelajaran Perdagangan dalam pemerolehan dan penggunaan alat bantu mengajar? (Soalan 9 dan 10 - Bahagian C)
4. Apakah pandangan dan sikap guru terhadap penggunaan media pengajaran dalam pengajaran pembelajaran mata pelajaran Perdagangan. (Soalan 11 dan 12 - Bahagian D)

5. Apakah jenis latihan yang diperlukan oleh guru mata pelajaran Perdagangan mereka untuk meningkatkan usaha mereka dalam penggunaan media pengajaran dan pembelajaran? (Soalan 13 - Bahagian E)

## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Setahu pengkaji tidak ada kajian yang pernah dijalankan tentang penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perdagangan KBSM. Kajian ini adalah penting untuk mengetahui tahap penggunaan alat bantu mengajar oleh guru-guru mata pelajaran Perdagangan dalam pengajaran mereka. Selain itu, kajian ini juga berguna kepada pihak-pihak berikut:

### **a. Pengkaji**

Dapatan kajian ini penting kepada pengkaji kerana pengkaji adalah seorang guru mata pelajaran Perdagangan dan Ekonomi Asas di sekolah menengah. Dengan ini pengkaji berperanan bersama-sama dengan guru-guru lain yang mengajar mata pelajaran Perdagangan dengan efektif secara penggunaan alat bantu mengajar. Bagi tujuan ini,

pengkaji memerlukan bukti serta data-data konkrit yang boleh didapati dari kajian ini.

**b. Guru Kanan Mata Pelajaran, Penyelia Dan Pentadbir Sekolah**

Dapatkan kajian ini berguna kepada guru kanan mata pelajaran, penyelia dan pentadbir sekolah sebagai suatu bahan untuk menentukan status penggunaan bahan pengajaran oleh guru-guru sekolah menengah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Perdagangan KBSM. Dengan ini cara tersebut memudahkan pemilihan bahan yang sesuai bagi kegunaan pengajaran.

**c. Guru-Guru Perdagangan**

Dapatkan kajian ini berguna kepada guru-guru mata pelajaran Perdagangan untuk menyenaraikan jenis-jenis sumber pengajaran yang boleh digunakan dalam pengajaran mereka. Di samping itu, kajian ini diharapkan dapat memberi beberapa cadangan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru-guru Perdagangan dan seterusnya mewujudkan aktiviti pengajaran yang lebih menyeronokkan.

**d. Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.**

**Perancangan Mata Pelajaran Perdagangan, Pusat Perkembangan**

Kajian ini juga berguna kepada bahagian Mata Pelajaran Perdagangan, Pusat perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan kerana berdasarkan hasil kajian ini, pihak bertanggungjawab dapat merancang Kursus dalam Perkhidmatan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perdagangan yang lebih berkesan. Unit ini juga boleh menggunakan kajian ini untuk membentuk dan mencadangkan kaedah pengajaran yang menarik minat pelajar dalam mata pelajaran Perdagangan KBSM. Selain itu, kajian ini juga diharapkan menunjukkan status penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perdagangan KBSM. Seterusnya unit perancangan berkenaan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memperbanyak lagi penggunaan sumber pengajaran oleh guru-guru Perdagangan. Di samping itu juga mengadakan bengkel-bengkel penyediaan alat bantu mengajar boleh menarik minat pelajar dalam pembelajaran mata pelajaran Perdagangan.

## **1.6 BATASAN KAJIAN**

Kajian adalah terhad kepada penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perdagangan Sijil Pelajaran Malaysia di sekolah menengah. Oleh itu, hasil kajian ini terbatas kepada mata pelajaran Perdagangan dan kemungkinan hasil ini tidak dapat digunakan secara khusus bagi mata pelajaran lain di sekolah menengah. Kajian ini hanya dijalankan di sekolah-sekolah menengah bantuan kerajaan di daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan. Sampel kajian ini terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Perdagangan bagi Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima di sekolah menengah. Justeru dapatkan kajian ini kemungkinan tidak dapat menggambarkan keadaan yang berlaku di semua sekolah menengah di Malaysia.

Dalam konteks penggunaan media, tumpuan kepada aspek keupayaan dan kemahiran guru dalam mengendalikan bahan-bahan bercetak dan bahan-bahan bukan bercetak (Kementerian Pendidikan, 1981). Alat dan bahan tersebut secara umumnya terdapat di sekolah atau Pusat Sumber daerah.

Kajian ini hanya menumpukan penggunaan media pengajaran dan tidak membincangkan secara khusus mengenai kesan penggunaan alat

bantu mengajar ke atas pencapaian pelajar. Bidang ini memerlukan satu kajian yang berlainan dengan instrumen yang berbeza.

### **1.7 DEFINISI ISTILAH**

Supaya pembaca faham dengan lebih baik, istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini ditakrifkan seperti berikut:

#### **Alat Bantu Mengajar**

Istilah alat bantu mengajar atau media pengajaran merujuk kepada bahan bercetak dan bahan bukan bercetak. Bahan bercetak terdiri daripada buku, majalah, suratkhabar dan sebagainya. Bahan bukan bercetak dibahagikan kepada 3 kumpulan berikut:

- a) Hardware: bahan seperti papan tulis, televisyen, radio kaset, projektor, VCR dan sebagainya.
- b Software: bahan seperti pita video, filem jalur filem 8 atau 16 mm, pita kaset, disket dan sebagainya.
- c) 3 dimensi: bahan seperti glob, model, realia, carta dan sebagainya.

### **Alat Pandang**

Merujuk kepada bahan-bahan pengajaran pembelajaran yang memberi maklumat dari segi penglihatan sahaja. Alat dengar merujuk kepada bahan pengajaran pembelajaran yang memberi maklumat bagi pancaindera pendengaran .

### **Alat Pandang Dengar**

Merujuk kepada bahan-bahan yang memberi maklumat kepada pancaindera pendengaran dan penglihatan.

### **Penggunaan Alat Bantu Mengajar**

Dalam kajian ini, penggunaan alat bantu mengajar merujuk kepada kekerapan penggunaan bahan pengajaran dalam aktiviti pengajaran pembelajaran mata pelajaran Perdagangan.

### **Guru-Guru Mata Pelajaran Perdagangan**

Guru-guru mata pelajaran Perdagangan merujuk kepada semua guru yang mengajar mata pelajaran Perdagangan ditahap Sijil Pelajaran Malaysia di sekolah-sekolah menengah Kebangsaan, di daerah Gombak,

Selangor Darul Ehsan. Mereka terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Perdagangan bagi pelajar Tingkatan 4 atau Tingkatan 5.

### **Sukatan Pelajaran**

Sukatan Pelajaran yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah Sukatan Pelajaran mata pelajaran Perdagangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang sedang diajar kepada semua pelajar di Tingkatan 4 atau Tingkatan 5 di sekolah-sekolah menengah.

### **KBSM**

KBSM adalah merujuk kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang sedang dijalankan pada masa sekarang. KBSM telah dibentuk berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Negara (FPN). KBSM direka berdasarkan FPN untuk memberi penekanan kepada perkembangan individu secara menyeluruh.

## **Masalah-Masalah Pemerolehan Dan Penggunaan**

Dalam kajian ini, masalah-masalah pemerolehan dan penggunaan merujuk kepada sebarang faktor yang menghalang penggunaan bahan pengajaran dalam aktiviti pengajaran pembelajaran.

## **Penglibatan Pelajar**

Kajian ini ingin melihatkan penglibatan pelajar dalam proses pengajaran apabila alat bantu mengajar digunakan. Penglibatan pelajar bermakna sebarang tindakan, reaksi pelajar apabila guru Perdagangan menggunakan sumber pengajaran dalam aktiviti pengajaran pembelajaran.